# Penyertaan Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna dalam Pemberigaan Awam di Hari Keusahawanan UNISSA 2019




YM Dr. Awg Hj Norarfan bin Hj Zainal, Rektor UNISSA (ketiga dari kiri) bersama fakulti UNISSA dan pihak JPHEP

Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna (JPHEP) memberigakan kepada orang ramai khasnya para mahasiswa dan mahasiswi usahawan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) di Hari Keusahawanan UNISSA 2019 tentang kepentingan mematuhi perundangan persaingan dan menegakkan hak-hak pengguna dalam menjalankan perniagaan mereka.

Acara ini adalah anjuran Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Universiti berkenaan dan berlangsung selama 2 hari bermula 8 April 2019. Beberapa acara turut diadakan untuk mahasiswa dan mahasiswi serta pelawat, antaranya forum, ceramah khas dan kawasan *One-Stop Start-Up* di mana usahawan baru boleh membiasakan diri dengan produk dan perkhidmatan yang dibekalkan oleh agensi-agensi yang menyertai acara ini seperti Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), DARe (Darussalam Enterprise), Bahagian Kawalan Makanan Halal dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

Platform seumpama ini merupakan peluang yang amat bernilai bagi Jabatan untuk memupuk konsep pengguna bijak dengan meningkatkan kesedaran awam di kalangan generasi muda dan pengusaha perniagaan masa hadapan tentang hak-hak Pengguna dan tanggungjawab-tanggungjawab sekaligus mekanisme aduan yang terdapat di Negara ini. Pada masa yang sama, para usahawan dihasratkan untuk mengambil maklum berkenaan dengan etika perniagaan (saranan dan larangan) termasuk kejujuran dan untuk melayani para Pengguna dengan wajarnya serta bagaimana untuk mematuhi perundangan persaingan yang akan berkuatkuasa pada masa hadapan.




Rekto UNISSA ditaklimatkan mengenai bahan pemberigaan




Pegawai-pegawai JPHEP mendidik para pelajar dan orang awam

Jabatan ini akan meneruskan aktiviti-aktiviti pemberigaan awam dengan menyertai platform lain yang dianjurkan oleh agensi-agensi Kerajaan dan institut-institut pengajian tinggi ke arah mencapai visi Jabatan ini sebagai pasaran yang efisien dan meningkatkan kebajikan Pengguna.

# Outreach by the Department of Competition and Consumer Affairs at the 2019 UNISSA Entrepreneurship Day




UNISSA Rector, Dr. Hj Norarfan bin Hj Zainal (third from right) with UNISSA faculty and officials from the Department of Competition & Consumer Affairs

The Department of Competition and Consumer Affairs (DCCA) educated student entrepreneurs about the importance of adhering to competition law and upholding consumer rights in running their businesses at Sultan Sharif Ali Islamic University's (UNISSA) Entrepreneurship Day 2019.

Organized by the Faculty of Economy and Islamic Finance of UNISSA, the event ran for 2 days starting on 8th April 2019. Activities for students and visitors included forums and special talks and a One-Stop Start-Up area where budding entrepreneurs can familiarize themselves with the products and services being offered by participating agencies such as Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), DARe (Darussalam Enterprise), the Halal Food Control Division and the Institute of Brunei Technical Education (IBTE).

This platform was a valuable opportunity for the Department to nurture smart consumers by raising awareness among the younger generation and future business owners on consumer rights and responsibilities as well as the redress mechanisms available in Brunei Darussalam. At the same time, aspiring business owners were educated on the dos and don'ts of an ethical business, such as the need for transparency and to treat consumers fairly, as well as how to comply with the competition law when it comes into effect in the near future.




UNISSA Rector being briefed on the education materials to be shared with UNISSA students




DCCA officers educating students and members of the public

DCCA will continue its outreach activities and leverage on similar platforms organized by government agencies and institutions of higher education, towards achieving its vision of an "efficient market and enhanced consumer welfare".